

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(A)10**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

10. Apakah rancangan Kerajaan Negeri selepas *Gurney Wharf* disediakan untuk Projek Penambatan banjir di sekitar Jalan Tanjong Tokong dari Kampung Masjid sehingga Island Plaza untuk menampung saliran air tadahan dari projek-projek dari kawasan Mount Erskine?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Pembangunan baharu di *Gurney Wharf* dan Mount Erskine adalah tertakluk kepada kelulusan syarat-syarat berpandukan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) bagi memastikan pembangunan baharu tersebut tidak memberikan impak air larian hujan tambahan kepada sistem saliran dan sungai sedia ada. Selain itu, Pelan Induk Sistem Saliran Daerah Timur Laut akan dijadikan rujukan utama sebagai syarat tambahan kepada pemaju bagi menaiktaraf sistem saliran utama di lembangan tersebut.

Bagi jangka masa panjang, Jabatan Pengairan dan Saliran akan mengkaji semula perancangan Rancangan Tebatan Banjir Bagan Jermal Fasa 2 yang telah disiapkan pada 2014 agar selaras dengan keperluan dan pembangunan terkini.